

18/05/2001

Penanda aras untuk institusi perbankan tempatan

Abdul Halim Yusoff

BANK Negara Malaysia (Bank Negara) menubuhkan satu jawatankuasa bagi merumuskan terperinci satu set petunjuk untuk menjadi asas penilaian sistematik seterusnya tanda aras kepada institusi perbankan tempatan.

Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata walaupun petunjuk dan tanda aras sudah digunakan sebelum ini, inilah kali pertama satu penilaian sistematik membabitkan keseluruhan industri dirangka.

Selain Bank Negara, jawatankuasa yang turut disertai peserta industri dan persatuan bank itu akan membangunkan tanda aras berasaskan kualitatif dan kuantitatif yang disasarkan menjadi pemacu kepada peningkatan prestasi.

"Antara cadangan utama untuk menggalakkan perubahan dalam sektor perbankan adalah penanda aras. Petunjuk berkenaan digunakan untuk memantau pencapaian dan membantu mengukuhkan pelan strategik," katanya berucap di Sidang Kemuncak Sektor Perbankan Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Sidang puncak selama dua hari itu dianjurkan Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli). Hadir sama Presiden Asli, Mirzan Mahathir dan Ketua Eksekutif Standard Chartered Bank Malaysia Bhd, Michael Hague dan Pengerusi Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian, Tan Sri Azman Hashim.

Penanda aras tidak seharusnya hanya berlegar kepada data makro tetapi juga membabitkan maklumat mikro, kos dan pulangan daripada produk yang berlainan, urus niaga, segmen pelanggan dan saluran penghantaran.

Katanya, pemantauan dan memperincikan butiran begitu akan membolehkan bank menilai keupayaan dan kekuatan mereka, itu sekali gus membantu mengkaji semula model perniagaan semasa dan mentakrifkan fokus masa depan.

"Sehubungan itu, untuk memulakan proses penanda aras, Bank Negara mengedarkan laporan kepada institusi perbankan dengan menanda aras setiap pencapaian berbanding industri sebagai petunjuk asas," katanya.

Institusi perbankan pula tidak seharusnya menganggap proses tanda aras sebagai beban tambahan atau sekadar pengumpulan statistik biasa yang ditetapkan pengawal selia pasaran.

Zeti berkata, pertukaran cara berfikir diperlukan di setiap peringkat pengurusan jika tanda aras disasarkan menjadi pengukur baru kejayaan dalam industri membuahkan hasil yang diharapkan.

"Perlu diperakui bahawa menjejak kemajuan yang dicapai adalah amat penting dalam merangka kejayaan.

"Institusi perbankan perlu menyediakan garis asas untuk perbandingan masa depan. Dengan itu mereka perlu menyediakan sumber mencukupi kepada inisiatif strategik ini," katanya.

(END)